



Kali pertama Di Persada Antarabangsa

ICED 2008 - (1 Disember - 3 Disember 2008)

Buat pertama kalinya, Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan (PPKK&P) telah menganjurkan persidangan antarabangsa iaitu International Conference On Electronic Design (ICED 2008) yang diadakan di Hotel Park Royal, Pulau Pinang.

Persidangan yang diadakan bermula 1 hingga 3 Disember 2008 itu telah melibatkan penyertaan seramai 105 peserta dalam dan luar negara dengan jumlah 134 kertas pembentangan. Menurut Setiausaha Persidangan, Puan Aiza Jasmi, "Kami menerima sebanyak 78 penyertaan dari peserta Malaysia (termasuk PPKK&P) dengan jumlah 98 kertas kerja".

"Selain itu, kami juga menerima peserta dari luar negara sebanyak 27 orang dan 36 kertas kerja yang akan dibentangkan selama tiga hari ini", tambahnya. Persidangan yang bertemakan Embedded System Design atau 'Rekabentuk Sistem Terbenam' itu juga bertujuan bagi mengkaji secara terperinci mengenai teknologi terkini sistem terbenam selain bertujuan mempromosikan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Persidangan ini turut menyediakan beberapa sesi tutorial yang melibatkan para akademik yang terkenal dari dalam dan luar negara bagi membincangkan penciptaan sistem terbenam dan aplikasinya terhadap praktikal dan penggunaan komersialnya.

Disamping itu juga, Persidangan ini memberi pengetahuan tambahan mengenai teknologi terbenam dan pembangunannya melalui sesi tutorial yang telah diadakan. Menurut Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, "Kita mahu berkongsi pengalaman penyelidikan terutamanya bidang yang berkaitan dengan R&D (universiti dan industri), "Selain itu, kita juga berharap dapat mencapai visi kita iaitu menjadi pusat akademik dan penyelidikan bertaraf dunia dan menghasilkan tenaga kerja dengan pemikiran kelas pertama", tambahnya.

Beliau yang ditemui juga berkata bahawa penganjuran Persidangan seperti ini akan membantu membina hubungan akademik sama ada di peringkat dalam dan juga luar negara.

Selain itu, beliau juga yakin penganjuran sebegini akan mencipta peluang kerjasama UniMAP dan universiti lain terutamanya dalam bidang penyelidikan. Beliau juga berharap agar Persidangan ini akan menemui penyelesaian baru dan dapat meramal masa depan bidang ini bagi merealisasikan aspirasi Malaysia dan turut menyumbang kepada keperluan global. Terdahulu, turut diadakan semasa Persidangan itu ialah pameran produk penyelidikan oleh penyelidik-penyelidik UniMAP. Ianya sebagai salah-satu cara bagi mempamerkan dan mempromosikan R&D iaitu hasil penyelidikan para penyelidik UniMAP kepada para peserta Persidangan.

Persidangan berkenaan yang telah dirasmikan oleh Pengarah Urusan MyIPO, En. Mohamed Kamel merupakan lanjutan dari Persidangan Rekacipta Elektronik 2005 (NCED 05) peringkat kebangsaan yang berlangsung di Kangar, Perlis.

ICoSHE 2008 - (5 Disember - 6 Disember 2008)

Bukan sahaja melahirkan jurutera yang sedia bekerja tetapi mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi, mampu berkomunikasi dengan baik dan sensitif kepada persekitaran. Itu adalah harapan Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin pada majlis perasmian Seminar Antarabangsa Sains Sosial dan

Peranan Kemanusiaan dalam Bidang Kejuruteraan 2008 (ICoSHE 08). "Kita sedar walaupun pelajar kita telah mencuba yang terbaik dalam peperiksaan dan mendapat keputusan yang cemerlang tetapi situasi ini tidak menjanjikan peluang pekerjaan yang banyak walaupun dalam bidang kejuruteraan, ujunya semasa menyampaikan ucapan aluan.

Tambahnya lagi, "UniMAP percaya kombinasi pengajian kejuruteraan dan kemahiran insaniah akan menghasilkan sentuhan holistik yang akan membina sensitiviti yang lebih kepada para pelajar untuk mereka memahami persekitaran kerja mereka". Beliau juga turut menyuarakan hasrat UniMAP untuk melahirkan jurutera global iaitu jurutera Malaysia (sumber kerja) dan mampu berkhidmat dalam pasaran kejuruteraan global dan tempatan.



Selain itu, beliau turut yakin bahawa UniMAP mampu mencipta jurutera global bagi memenuhi permintaan Negara Malaysia yang memerlukan jurutera tempatan pada tahun 2015. Seminar yang diadakan selama dua hari di Hotel Legend, Kuala Lumpur itu adalah untuk membincang, memperjelas dan berkongsi pandangan para peserta mengenai peranan kemanusiaan dan sains sosial dalam bidang kejuruteraan dan pendidikan teknikal. Ucaptama program itu telah disampaikan oleh Professor John St James Stewart Buckeridge iaitu seorang profesor dalam bidang Kejuruteraan Sumber Asli yang juga Dekan di Pusat Kejuruteraan Alam Sekitar dan Kimia di RMIT University di Melbourne, Australia. Pemilihan beliau berdasarkan pengalamannya dalam penghasilan lebih 200 artikel dan buku berkaitan etika, geologi, paleontology, forensik, kejuruteraan awam dan biologi marin. Sementara itu, seminar yang bertemakan "Mengglobalisasikan Kerjaya Kejuruteraan" itu telah menjalankan tiga sesi pembentangan dengan 72 kertas kerja dibentangkan dan ia merupakan anjuran julang kali oleh Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan (PKKK) UniMAP.

Turut mengambil bahagian dalam pembentangan kertas kerja pada hari itu ialah peserta dari beberapa Negara ASEAN lainnya antaranya Indonesia, Thailand, India dan lain-lain. Kebanyakan pembentang kertas kerja berpendapat, penglibatan dalam seminar seumpama itu bukan sahaja dapat menambah pengetahuan masing-masing malah turut membolehkan mereka mengaplikasikannya dalam persekitaran kerja di negara masing-masing.

Selain itu, pada hari pertama seminar, UniMAP turut menganjurkan majlis makan malam khas khusus untuk meraikan semua pembentang kertas kerja yang terlibat. Ia antara lainnya bertujuan mendekatkan hubungan di kalangan peserta dan membolehkan mereka bertukar-tukar fikiran dalam suasana lebih santai.